

19 JUN 2002

Umno-Hudud (Terengganu)

UMNO TERENGGANU BANTAH RANG UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI DUN

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Umno Terengganu akan membantah habisan-habisan Rang Undang-Undang Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) apabila ia dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri itu bulan depan.

Timbalan Pengerusinya Datuk Idris Jusoh berkata walaupun Barisan Nasional yang hanya mempunyai empat wakil di dewan itu tidak akan berdiam diri dan membiarkan ketidakadilan berlaku kerana rang undang-undang itu jelas tidak adil.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa PAS menghina Islam sekiranya parti itu melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah Terengganu yang tidak adil dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Semua perundangan yang hendak dilaksanakan oleh mana-mana negeri perlu berteraskan kepada keadilan, katanya kepada Bernama pada perhimpunan agung Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini. Idris mewakili Majlis Tertinggi Umno pada persidangan itu.

Perdana menteri dilaporkan berkata undang-undang Islam mesti adil dan jika wujud ketidakadilan, ia bukan undang-undang Islam sebenar.

Idris berkata rang undang-undang itu lebih kepada kepentingan politik PAS sebagai menjawab pertanyaan rakyat bilakah parti itu akan melaksanakan Hudud sebagaimana yang dijanjikan pada pilihan raya umum lepas.

"PAS memang suka menggunakan agama untuk kepentingan politik, saya harap PAS tidak sewenang-wenangnya membentangkan rang tersebut hanya kepentingan politik kerana mereka perlu menjawab kepada Allah berhubung tanggungjawab mereka kepada rakyat dan kemampuan PAS melaksanakan Hudud," katanya.

Beliau berkata berbeza dengan PAS, Umno mahu memastikan keadilan tertegak dalam pelaksanaan mana-mana undang apa tah lagi undang-undang Islam agar imej agama suci itu tidak tercemar.

"Soal keadilan inilah yang diutarakan oleh Perdana Menteri semasa kerajaan PAS Kelantan membentangkan Enakmen Jenayah Syariah II 1993 yang mengandungi hukum Hudud dan diluluskan oleh DUN Kelantan," katanya.

Beliau berkata orang Islam tidak akan menentang mana-mana hukum Allah tetapi mereka tidak mahu rang undang-undang yang hendak dibentangkan itu bercanggah dengan agama Islam.

Idris berkata sekiranya kerajaan PAS Terengganu jujur sudah pasti rang undang-undang berkenaan telah dirujuk kepada Peguam Negara.

Katanya Umno Terengganu mahu rakyat diberi penerangan yang jelas sebelum rang undang-undang berkenaan diluluskan bagi mengelakan mereka terpedaya dengan helah politik PAS.

-- BERNAMA

BD ZS RHM